

KKTKW (U) 18/4/2.01/11



Ibu Pejabat Jabatan Ukur  
Semenanjung Malaysia  
Jalan Gurney  
Kuala Lumpur 15-02

5 Mac, 1984.

## **PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.2 TAHUN 1984** **Kenaikan Pangkat ke Jawatan Mandur Ukur di Jabatan Ukur**

### **1. Latarbelakang**

Sebagaimana yang tuan sedia maklum, jawatan Mandur Ukur Gred I dan II diisi secara kenaikan pangkat. Sesungguhnya skim perkhidmatan bagi kedua-dua jawatan ini sekarang tiada syarat kelulusan dalam peperiksaan tetapi sebaliknya Pengarah Ukur dikehendaki memperakukan pekerja adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat.

### **2. Tujuan**

Oleh yang demikian, pekeliling ini bertujuan untuk memansuhkan peperiksaan Mandur Ukur Gred I dan II seperti yang diwajibkan menurut Surat Pekeliling KPU Bil. 3/1973 dan menggantikannya dengan satu ujian amali yang akan membolehkan Pengarah Ukur menilai pengetahuan pekerja dan membuat perakuan sebagaimana yang dikehendaki.

### **3. Garis panduan Untuk Ujian Amali**

3.1 Adalah dicadangkan supaya ujian amali ini dibuat secara temuduga di Pejabat Juruukur Daerah atau Pejabat Juruukur yang menjaga. Dalam temuduga ini, pekerja akan diujikan cara praktik dan disoalkan atas kerja dan tanggungjawab seorang Mandur Ukur seperti yang berikut :-

#### **3.2 Kerja Pejabat**

- ( a ) Boleh membaca dan memahami simbol dan huruf singkatan di atas surihan kerjalar.
- ( b ) Boleh membaca peta-peta topografi serta dengan simbolnya.

- ( c ) Boleh memelot kerjaukur dengan menggunakan sekil dan protractor.
- ( d ) Menyekil keluasan lot yang dipelot.
- ( e ) Menyekil bearing dan jarak dengan menggunakan protractor dan sekil.
- ( f ) Mendapatkan nilai sudut daripada bearing.
- ( g ) Boleh melukis rajah tempatan untuk menunjukkan tempat kerja.

### 3.3 **Kerjaluar**

- ( a ) Boleh membaca rantai untuk jarak.
- ( b ) Menggunakan prismatik kompas untuk mendapatkan bering sempadan.
- ( c ) Membaca alat tiodolait.
- ( d ) Menanam tanda-tanda sempadan dengan betul.
- ( e ) Mengambil opset dengan menggunakan rantai dan prismatik kompas.
- ( f ) Boleh membaca dan memahami surihan kerjaluar.
- ( g ) Boleh membaca peta-peta Topografi.
- ( h ) Lain-lain yang difikirkan perlu oleh Pengarah Ukur Negeri berkenaan.

3.4 Perkara untuk ujian amali tersebut di atas adalah sebagai panduan sahaja dan Pengarah Ukur boleh dengan budibicaranya menokoktambah , jika perlu.

## 4. **Tarikh Berkuatkuasa**

Pekeliling ini berkuatkuasa pada 1hb. Februari, 1984 untuk dilaksanakan di Bahagian Ukur Kadastra dan Bahagian Pemetaan. Dengan ini , surat Pekeliling KPU Bil. 3/1973 bertarikh 19.3.73 dimansuhkan.

Sekian.

**"BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"**

**(ABDUL MAJID BIN MOHAMED)**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan,

b.p. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Malaysia.

Tarikh : 5hb. Mac. 1984.

**Edaran:**

Semua Pengarah Ukur Negeri (termasuk Topografi )

**Salinan Kepada :**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur Pemetaan

Pengarah Ukur Kadastra

Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan

Timbalan Pengarah Ukur Kadastra

Timbalan Pengarah Ukur Kadastra (Unit Khas)

Penolong Pengarah Ukur Kadastra (Penyelidikan)

Penolong Pengarah Ukur Kadastra (Hakmilik Tanah)

Penolong Pengarah Ukur Kadastra ( Rancangan Tanah)

Setiausaha Bahagian Pentadbiran